

## BAB 9 : PERKEMBANGAN DI EROPAH

### PERUBAHAN MASYARAKAT DAN BUDAYA EROPAH

1. Senaraikan tiga peringkat zaman pertengahan [ms215]

i. Peringkat awal (476-1050M)

ii. Peringkat kemuncak (1050-1300M)

iii. Peringkat akhir (1300 – 1450M)

- muncul Zaman Renaissance (1350-1600M)

- berlaku kegiatan penjelajahan dan penerokaan serta perkembangan ilmu

- orang Eropah menyebarkan pengaruh mereka kepada dunia luar

- diteruskan semasa zaman Revolusi Perindustrian dan Imperialisme

### ZAMAN GELAP DAN CIRI-CIRINYA

2. Zaman Gelap merupakan peringkat awal Zaman Pertengahan. Zaman Peralihan dari Zaman Gelap ke Zaman Renaissance dikenali sebagai Zaman Kemuncak Pertengahan

Bandingkan ciri-ciri Zaman Gelap dengan Zaman Kemuncak Pertengahan di Eropah. [ms 215]

Zaman Gelap [ms 215]	Zaman Kemuncak Pertengahan [ms216]
<p><b>F1 Kemosrotan-</b> mengalami kemosrotan dalam bidang ilmu pengetahuan, perdagangan dan kehidupan perbandaran</p> <p><b>F2 Pusat-</b> tidak terdapat pentadbiran pusat yang berkesan</p> <p><b>F3 Mencedok-</b> dunia Eropah telah mencedok banyak ilmu daripada dunia Islam</p> <p><b>F4 Rom Barat-</b> apabila empayar Rom Barat runtuh, maka kuasa pusat yang mentadbir wilayah-wilayah juga musnah</p> <p><b>F5 Baron-</b> muncul golongan baron (tuan tanah)</p> <p><b>F6 Petani-</b> golongan petani terpaksa mencari perlindungan daripada tuan tanah</p> <p><b>F7 Cukai-</b> sebagai tukaran, petani terpaksa membayar cukai yang tinggi kepada tuan tanah</p> <p><b>F8 Serah –</b> petani yang tidak berkemampuan terpaksa menyerahkan tanah mereka kepada tuan tanah</p> <p><b>F9 Hamba-</b> mereka terpaksa menjadi hamba</p> <p><b>F10 Raja-</b> tuan tanah mendapat perlindungan daripada raja</p> <p><b>F11 Khidmat-</b> tuan tanah dikehendaki memberikan khidmat atau membayar cukai kepada raja</p> <p><b>F12 Feudal-</b> jalinan ikatan antara rakyat, tuan tanah dan raja ini membentuk sistem feudal</p> <p><b>F13 Gereja-</b> Gereja Katolik merupakan institusi yang sangat berkuasa dan memiliki hartanah yang banyak</p> <p><b>F14 Akhirat –</b> memberi fokus kepada kegiatan amalan agama dan pembelajaran ilmu akhirat sahaja</p> <p><b>F15 Kongkong-</b> gerja sering dianggap mengongkong kehidupan masyarakat Eropah</p> <p><b>F16 Perdagangan-</b> kegiatan perdagangan tidak meluas</p> <p><b>F17 Ganggu –</b> perdagangan sering diganggu oleh orang gasar seperti Viking dan Magyar</p> <p><b>F18 Islam –</b> perdagangan di Timur Jauh dan kawasan Mediterranean dikuasai oleh orang Islam</p> <p><b>F19 Pertanian-</b> terpaksa menumpukan kepada kegiatan pertanian</p> <p><b>F21 Barter-</b> perdagangan barangan pertanian dilakukan secara pertukaran barang (barter) kerana mata wang terhad</p>	<p><b>F1 gereja-</b> gereja mula memaminkan peranan sebagai institusi yang universal serta menjadi ejen penyatuan</p> <p><b>F2 ekonomi-</b> berlaku perubahan ekonomi yang ketara hasil pertambahan penduduk, peningkatan aktiviti pertanian dan kemunculan perdagangan</p> <p><b>F3 bandar-</b> muncul bandar-bandar seperti Venice, Milan dan Florence</p> <p><b>F4 kelas pertengahan-</b> lahir kelas pertengahan yang terdiri daripada artisan, pedagang dan ahli perbankan</p> <p><b>F5 status sosial-</b> tidak lagi bergantung kepada pemilikan tanah tetapi kekayaan</p> <p><b>F6 rakyat-</b> perubahan politik berlaku apabila rakyat mula terlibat dalam kegiatan atau urusan politik</p> <p><b>F7 parlimen-</b> diwujudkan bagi memenuhi tuntutan rakyat</p> <p><b>F8 hak-</b> memberikan hak politik kepada rakyat</p> <p><b>F9 hubungan-</b> menjalinkan hubungan antara rakyat dengan pemerintah</p>

## ZAMAN RENAISSANCE (1350 - 1600) [SPM 2009]

### 1. Apakah maksud Renaissance? [ms 217]

Kata Kunci	Butiran
<b>F1 Itali</b>	Berasal daripada perkataan Itali, <i>renisciment</i>
<b>F2 lahir</b>	Bermaksud kelahiran semula
<b>F3 ilmu</b>	Merujuk kepada penghargaan semula ilmu yang telah dihasilkan oleh cendekiawan dan pejuang seni dalam tamadun Yunani dan Rom

### 2. Nyatakan ciri-ciri dan kesan Zaman Renaissance.

Ciri-ciri [ms 217]
<p><b>F1 berfikir-</b> Penonjolan terhadap keupayaan manusia berfikir untuk menyelesaikan permasalahannya</p> <p><b>F2 Humanisme-</b> Aliran pemikiran ini dinamakan Humanisme</p> <p><b>F3 Petrarch-</b> Bapa Humanisme ialah Francesco Petrarch</p> <p><b>F4 tokoh lain-</b> Tokoh Renaissance lain seperti Niccolo Machiavelli dan Giovanni Bocacio</p> <p><b>F5 meneroka-</b> kesungguhan manusia meneroka bidang dan kawasan baru</p> <p><b>F6 inkuiri-</b> di dorong oleh semangat inkuiri atau semangat ingin tahu yang kuat</p> <p><b>F7 Itali-</b> bermula di Itali dan berkembang ke Eropah Barat</p> <p><b>F8 bandar-</b> di Itali muncul Bandar-bandar terkenal seperti Venice, Genoa, Florence, Rom dan Milan</p> <p><b>F9 perdagangan-</b> Bandar ini menjadi pusat perdagangan antarabangsa</p> <p><b>F10 strategik-</b> kedudukan Itali strategik kerana dikelilingi oleh Laut Mediterranean</p> <p><b>F11 persimpangan-</b> Itali menjadi persimpangan utama dan pusat perdagangan antarabangsa</p> <p><b>F12 pelabuhan –</b> Bandar perlabuhannya yang terkenal ialah Venice dan Genoa</p> <p><b>F13 pertembungan-</b> berlaku pertembungan budaya, bahasa dan agama</p> <p><b>F14 idea baru-</b> menjadikan Itali pusat perkembangan idea baru</p> <p><b>F15 pedagang kaya-</b> aktiviti perdagangan membawa kemunculan pedagang kaya</p> <p><b>F16 mengindahkan-</b> mereka menggunakan kekayaan untuk mengindahkan bandar</p> <p><b>F17 tumpuan -</b> menjadikannya tumpuan para seniman dan cendekiawan</p> <p><b>F18 patron-</b> pedagang kaya ini menjadi patron atau penaung kepada pelukis, ahli muzik, saintis dan penulis</p> <p><b>F19 Medici-</b> antara patron yang terkenal ialah keluarga Medici di Florence</p> <p><b>F20 Paus-</b> Paus di Rom turut juga menjadi penaung kepada para seniman dan cendekiawan</p> <p><b>F21 cabar –</b> Paus tidak bersedia menaungi ahli sains dan matematik kerana khuatir akan mencabar pemikiran yang dibawa oleh Gereja katolik</p> <p><b>F22 empirikal-</b> para saintis menekankan kaedah pemerhatian atau empirical serta penggunaan akal dan logik dalam menerangkan sesuatu fenomena alam</p> <p><b>F23 tradisional-</b> sebaliknya pihak gereja menekankan penjelasan tradisional</p> <p><b>F24 Galilei –</b> contohnya dalam kes Galileo Galilei yang menyatakan matahari merupakan pusat alam tetapi gereja menyatakan bumi adalah pusat alam, akibatnya beliau telah dikenakan tahanan rumah</p> <p><b>F25 seni-</b> gereja member tumpuan kepada seni lukis dan seni ukir sahaja</p> <p><b>F26 Julius II-</b> contohnya Paus Julius II telah mengupah Leonardo da Vinci, Raphael dan Michelangelo mencantikkan dan menghias gereja dan katedral di Rom dengan ukiran dan lukisan</p> <p><b>F27 katedral –</b> Katedral St. Peter telah dibina</p> <p><b>F28 pindah –</b> pusat seni Renaissance berpindah dari Florence ke Rom</p> <p><b>F29 kumpulan –</b>pada zaman pertengahan, sumbangan individu daripada golongan pelukis dan pengukir ini tidak terserlah kerana mereka bekerja secara berkumpulan</p> <p><b>F30 bersendirian-</b> keadaan ini berubah apabila mereka bekerja secara bersendirian</p> <p><b>F31 individualisme-</b> lahir semangat individualisme</p> <p><b>F32 pendidikan-</b> penekanan kepada keupayaan individu membawa perubahan kepada konsep pendidikan</p> <p><b>F33 intelektual-</b> pembinaan kemahiran dalam semua aspek intelektual serta fizikal adalah digalakkan di kalangan individu</p> <p><b>F34 da Vinci –</b> contohnya Leonardo da Vinci terkenal sebagai manusia ideal dan versatile kerana menguasai ilmu seni bina, seni lukis, seni ukir, kejuruteraan, botani, falsafah, geografi, perang dan strategi ketenteraan.</p>
Kesan [ms 219]
<p><b>F1 monarki baru-</b> kemunculan monarki baru</p> <p><b>F2 kekuatan-</b> kekuatan dan kekuasaan diasaskan kepada kerajaan pusat dan kesatuan kebangsaan</p> <p><b>F3 cukai-</b> diperkukuhkan dengan amalan pembayaran cukai secara langsung kepada kerajaan pusat</p> <p><b>F4 raja-</b> apabila kuasa raja bertambah kukuh, maka kuasa greja dan golongan bangsawan akan berkurang</p> <p><b>F5 sara diri-</b> kegiatan ekonomi sara diri kian pupus</p> <p><b>F6 perdagangan-</b> sistem perdagangan tempatan dan antarabangsa semakin berkembang dan meluas</p>

- F7 penjelajahan-** menimbulkan kegiatan penjelajahan dan penerokaan
- F8 bidang-** berkembang seiring dengan bidang matematik, geografi, kartografi (teknik melukis peta) dan astronomi
- F9 objektif-** ciri-ciri inkuiri, keobjektifan dan eksperimen merintis kepada perkembangan ilmu sains seperti biologi, fizik, kimia dan perubatan
- F10 gaya hidup-** dari segi sosial, berlaku perubahan dalam pemikiran dan gaya hidup manusia
- F11 emosi-** manusia lebih bersedia menzahirkan emosi mereka melalui muzik, lukisan dan ukiran
- F12 keyakinan diri-** dari segi psikologi, unsur ini berjaya memupuk dan melahirkan budaya yang menyuburkan keyakinan diri
- F13 logik-** perubahan sikap masyarakat terhadap pendidikan yang menekankan pemikiran logic, saintifik, falsafah dan metafizik
- F14 tanggungjawab sosial-** serta tanggungjawab sosial seseorang terhadap masyarakat
- F15 keupayaan minda-** melahirkan 'manusia Renaissance' yang mempergunakan sepenuhnya keupayaan minda dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan bagi memajukan kehidupan manusia
- F16 inkuiri-** kita harus mempunyai sifat inkuiri
- F17 berani-** berani meneroka perkara dan bidang baru untuk mencapai kejayaan dalam semua jurusan

## GERAKAN REFORMATION [ms 220]

### 1. Apakah maksud Reformation? [ms 220]

Kata Kunci	Butiran
<b>F1 perubahan</b>	Berasal daripada perkataan 'reform' yang bermaksud melaksanakan perubahan atau pembaharuan terhadap sesuatu
<b>F2 baru</b>	untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik atau membentuk sesuatu yang baru
<b>F3 Kristian</b>	Mempunyai kaitan dengan agama Kristian

### 2. Nyatakan ciri-ciri dan kesan Zaman Reformation. [ms221]

Ciri-ciri
<p><b>F1 kritikan-</b> kritikan terhadap gereja yang meningkatkan usaha pembangunan keduniaan untuk menjadikan Rom sebagai pusat kekuasaan yang terkuat di bahagian tengah Itali</p> <p><b>F2 kepincangan-</b> banyak kepincangan, rasuah dan penyelewengan telah berlaku</p> <p><b>F3 mempersoalkan-</b> ramai ahli masyarakat mula mempersoalkan kedudukan dan amalan Gereja Katolik</p> <p><b>F4 cara hidup-</b> mereka berpendapat cara hidup yang menjadi amalan golongan penguasa Gereja Katolik tidak selari dengan apa yang dianjurkan dalam kitab Bible</p> <p><b>F5 bangsawan-</b> mereka dikatakan lebih cenderung mengamalkan gaya hidup para pemerintah dan bangsawan dan tidak mencerminkan kehidupan keagamaan</p> <p><b>F6 indulgences-</b> terdapat unsur penyelewengan seperti penjualan Indulgences iaitu surat pengampunan dosa</p> <p><b>F7 mesin cetak-</b> Reformation bermula di Jerman kerana gerakan Renaissance di sini bersifat keagamaan tetapi gerakan di Itali bersifat keduniaan</p> <p><b>F8 Bible-</b> ini dibantu oleh mesin cetak ciptaan Johann Gutenberg yang membolehkan Bible dihasilkan dengan cepat dan murah</p> <p><b>F9 Luther-</b> Martin Luther telah menentang amalan Indulgences</p> <p><b>F10 rohani-</b> Luther percaya manusia harus bergantung kepada kekuatan rohani</p> <p><b>F11 mencabar-</b> pendirian Luther mencabar kedudukan gereja dan institusi paderi</p> <p><b>F12 Protestant-</b> pendirian dan ajaran Luther dikenali sebagai mazhab Protestant (mazhab Lutheran) yang bermaksud membantah</p> <p><b>F13 Calvin</b> – selepas Luther mati, gerakan ini dipimpin oleh John Calvin</p> <p><b>F14 Conter</b> – ada pihak yang masih mempertahankan kewibawaan Gereja Katolik dan golongan ini mengendalikan Counter Reformation (menahan atau bertindak menentang sesuatu yang baru)</p>
Kesan
<p><b>F1 berpecah-</b> dari segi agama, Negara Eropah berpecah dan berperang mengikut mazhab masing-masing</p> <p><b>F3 perbalahan-</b> perbalahan agama mengakibatkan kemusnahan dan peperangan</p> <p><b>F4 toleransi-</b> kesan jangka panjang ialah timbul sikap toleransi antara penganut pelbagai mazhab Kristian dari segi mempergiatkan pendidikan dan fahaman mereka</p> <p><b>F6 dicabar-</b> kuasa gereja telah dicabar secara terbuka</p> <p><b>F7 bebas-</b> kuasa gereja terhadap kerajaan atau monarki berkurang kerana monarki ingin bebas daripada penguasaan Paus di Rom</p> <p><b>F8 Raja Henry VIII-</b> contohnya semasa pemerintahan Raja Henry VIII, raja menjadi ketua kerohanian Gereja Protestant Anglican</p>

## PENJELAJAHAN DAN PENEROKAAN (SPM 2010)

### 1. Bagaimanakah orang Eropah berjaya menyelesaikan masalah yang menyekat perkembangan ekonomi mereka? [ms223]

**Baru** – penjelajahan dan penerokaan merupakan kegiatan para pelaut Eropah mencari laluan baru di lautan luas bagi membolehkan mereka menuju ke Timur  
**Sains** – kejayaan sains dan teknologi pada Zaman Renaissance membantu kegiatan penerokaan dan penjelajahan Eropah  
**Istanbul** – sebelum ini, mereka hanya mendapatkan barangan dari Timur di Istanbul  
**Turki** – apabila Istanbul ditawan oleh Turki, menyebabkan orang Eropah menghadapi masalah untuk mendapatkan barangan melalui jalan ini  
**Alternatif**- mereka berikhtiar mencari laluan alternatif ke Timur  
**Meneroka** – ini mendorong mereka meneroka Lautan Atkantik dan berjaya menjadi laluan mereka ke Timur  
**Berani** – ini membuktikan mereka berani dan bersikap optimistik

## PENEMUAN JALAN LAUT DAN DUNIA BARU

### 1. Nyatakan sebab-sebab dan kesan penjelajahan terhadap masyarakat setempat.[ms223] (SPM 2010)

Sebab-sebab Penjelajahan
<p><b>F1 desakan</b> - desakan ekonomi dan semangat keagamaan <b>F2 barangan</b>- ingin mendapatkan barangan seperti emas, sutera dan rempah ratus dari Timur <b>F3 galakan Raja</b>- Raja Sepanyol dan Raja Portugal memberi galakan <b>F4 Sepanyol</b> – menumpukan penerokaannya ke Amerika Latin dan menjelajah ke Timur <b>F5 Portugal</b>- lebih awal sampai ke Timur dan juga mempunyai kepentingan di Amerika Latin <b>F6 bersaing</b>- kedua-duanya bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan <b>F7 Paus</b>- pihak Paus di Rom menggesa kedua-duanya menetapkan kawasan pengaruh masing-masing <b>F8 Tordesillas</b>- Perjanjian Tordesillas ditandatangani <b>F9 Portugal</b>- kawasan ke Timur dari kepulauan Tanjung Verde dan Hindia Barat di Lautan Atlantik dianggap kawasan Portugal <b>F10 Sepanyol</b>- kawasan ke barat dianggap kawasan Sepanyol <b>F11 Columbus</b>- antara pelaut unggul ialah Christopher Columbus dan orang Eropah pertama sampai ke Amerika <b>F12 Magellan</b>- dalam pelayaran ke Timur, pelayar terkenal ialah Ferdinand Magellan tetapi telah di bunuh di sebuah pulau di Filipina <b>F13 rempah</b>- perdagangan rempah ratus dan sutera memberi keuntungan yang besar <b>F14 Kristian</b>- untuk menyebarkan agama Kristian ke seberang laut <b>F15 monarki baru</b>- monarki baru di England, Perancis dan Belanda menggalakkan penjelajahan dan penerokaan ke seberang laut <b>F16 kebanggaan</b>- semangat kebanggaan bangsa mendorong orang Eropah untuk menjelajah dunia di luar Eropah <b>F17 3G</b>- penjelajahan orang Eropah dirumuskan dengan kata-kata "gold, glory and gospel".</p>
Kesan-kesan Penjelajahan Terhadap Masyarakat Setempat
<p><b>F1 perjanjian</b>- dari segi politik, banyak penguasa tempatan terpaksa membuat perjanjian dengan wakil kuasa Eropah <b>F2 iktiraf</b>- mengiktiraf kekuatan kuasa Eropah <b>F3 berpiagam</b>- wakil kuasa Eropah ini terdiri daripada syarikat berpiagam iaitu Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC), Syarikat Hindia Barat Belanda (WIC) dan Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) <b>F4 pembekal</b>- dari segi ekonomi, daerah di luar Eropah telah menjadi pembekal kepada keperluan masyarakat di Eropah <b>F5 emporium</b>- pusat emporium dunia seperti Goa dan Melaka telah dikuasai oleh Portugal <b>F6 memperkaya</b>- barangan yang dibawa dari Timur telah memperkaya ekonomi dan gaya hidup masyarakat di Eropah <b>F7 jalan pelayaran</b>- jalan pelayaran di Lautan Hindi dan Asia Tenggara telah dikuasai oleh Portugal <b>F8 gaya hidup</b>- dari segi sosial, masyarakat tempatan telah terpengaruh dengan gaya hidup orang Eropah <b>F9 Kristian</b>- di banyak daerah, masyarakat peribumi juga menerima agama Kristian yang dibawa oleh mubaligh Kristian <b>F10 Dunia Baru</b>- penjelajahan Sepanyol telah merubah keadaan serta kehidupan di Dunia Baru dan Asia <b>F11 Aztec</b>- di Amerika Tengah dan Selatan, Sepanyol telah berperang dan menakluk Mexico dengan menundukkan tamadun Aztec</p>

**F12 Inca**- menakluk Peru dengan menghapuskan tamadun Inca  
**F13 baru** – penghijrahan beramai-ramai orang Sepanyol ke Amerika Latin telah mewujudkan sebuah masyarakat baru di wilayah tersebut  
**F14 emas**- Amerika Latin (Dunia Baru) menjadi tempat untuk mendapatkan emas dan perak  
**F15 gereja** – bagi golongan gereja, Dunia Baru dianggap tempat untuk menyebarkan agama Kristian  
**F16 buruh**- para pemodal Sepanyol telah mengeksploitasi buruh peribumi untuk bekerja di lombong dan ladang mereka  
**F17 Brazil** – Brazil telah dijajah dan dipengaruhi oleh Portugal  
**F18 Filipina** – dipengaruhi oleh Sepanyol  
**F19 Melaka dan Goa** – diduduki oleh Portugal

## REVOLUSI PERTANIAN DAN REVOLUSI PERINDUSTRIAN

### PERKEMBANGAN BIDANG PERTANIAN

#### 1. Bagaimanakah Revolusi Pertanian dapat mengeluarkan makanan secara besar-besaran? [ ms 227]

Kata Kunci	Butiran
<b>F1 tanah</b>	Perubahan dalam sistem penggunaan dan pemilikan tanah
<b>F2 kaedah</b>	Penggunaan kaedah atau teknik saintifik
<b>F3 penanaman</b>	Penanaman yang efisien
<b>F4 peralatan</b>	Penggunaan peralatan baru
<b>F5 baja</b>	Penggunaan baja
<b>F6 pemasaran</b>	Kaedah pemasaran produk pertanian secara lebih meluas dan berkesan

#### Pemilikan Tanah Persendirian

**2 sistem** – pemilikan tanah persendirian dan pemilikan tanah awam

**Persendirian** – pemilikan tanah persendirian dipunyai oleh golongan kaya

**Awam**- sebenarnya milik perseorangan tetapi dibenarkan untuk kegunaan rakyat biasa

**Guna** – digunakan untuk bercucuk tanam secara kecil-kecilan, memelihara ternakan, memburu binatang dan memancing

**Pertanian** – pemilik tanah awam mahu memanfaatkannya untuk pengeluaran pertanian secara besar-besaran

**Akta** – hampir 500,000 ekar tanah dipagari melalui Akta Pemagaran Tanah

**Kesannya :**

i. Tersedia kawasan yang luas untuk penanaman secara besar-besaran (ladang)

ii. rakyat biasa yang dahulunya bergantung pada tanah awam untuk menampung kehidupan telah kehilangan punca rezeki

**Ladang** – petani kecil-kecilan ini telah menjadi buruh ladang

**Kilang** – selepas Revolusi Perindustrian, mereka berhijrah ke bandar dan menjadi buruh kilang

#### Kaedah dan Ciptaan Baru dalam Pertanian

**Kaedah** – kaedah dan ciptaan peralatan membolehkan penanaman dilakukan secara lebih efisien dan produk dihasilkan lebih lumayan

**Bergilir** – penanaman secara bergilir

**Berterusan** - menggunakan sebidang tanah secara berterusan sepanjang tahun

**Berbeza**- menanam jenis tanaman yang berbeza mengikut musim

**Subur**- tanaman yang berbeza menggunakan nutrien tanah yang berbeza maka semua tanaman dapat tumbuh dengan subur

**Kosong** – tiada tanah yang perlu ditinggalkan kosong

**Baru** – tanaman baru turut diperkenalkan seperti turnip dan ubi kentang

**Tull** – peralatan yang dicipta oleh Jethro Tull untuk kegunaan menggali dan menugal

#### Pertanian Komersial

**Kuantiti** – apabila cara menanam telah direvolusikan maka kuantiti hasil pertanian dapat dipertingkatkan

**Baja** – baja asli mula digunakan secara meluas

**Subur** – menjadikan tanaman lebih subur dan hasil pertanian bertambah

**Lebihan** – peningkatan kuantiti dan kualiti hasil pertanian ini membawa kepada lebihan produk

**Dagang**- lebihan tersebut didagangkan

## PERKEMBANGAN BIDANG PERINDUSTRIAN

### 1. Bagaimanakah Revolusi Pertanian dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan dan perkembangan Revolusi Perindustrian? [ ms 230]

Kata Kunci	Butiran
<b>F1 modal</b>	Penyediaan modal
<b>F2 melabur</b>	Peladang kaya telah melaburkan lebih modal mereka dalam bidang perindustrian
<b>F3 risiko</b>	Menggambarkan perubahan sikap dan sanggup menanggung risiko untuk melaburkan modal dalam bidang baru yang belum menjanjikan pulangan
<b>F4 makanan</b>	Menyediakan bahan makanan untuk menampung permintaan dan keperluan para pekerja kilang yang kian meningkat
<b>F5 dana</b>	Dana pengimportan makanan dari luar dapat diselamatkan dapat dilaburkan bagi membantu pertumbuhan dan perkembangan industri di dalam negara
<b>F6 asas</b>	Rekaan dalam bidang sains dan teknologi
<b>F7 usahawan</b>	Semangat dan kegiatan keusahawanan seperti James Watt dan Boulton yang mencipta enjin berkuasa wap

#### Peralihan daripada Industri Desa kepada Perkilangan

**Kecil** – sebelum Revolusi Perindustrian, produk atau barangan dihasilkan secara kecil-kecilan dengan menggunakan tenaga manusia

**Mesin** – apabila mesin digunakan, pengeluaran barangan dihasilkan secara besar-besaran melebihi paras keperluan

**Komersial** – lebih produk telah diperdagangkan atau dikomersialkan

**Maksud revolusi:**

- i. perubahan dalam teknik pengeluaran
- ii. skala pengeluaran yang bertambah besar
- iii. aktiviti mengkomersialkan barangan yang dihasilkan

#### Pengkhurusan Pengeluaran

**Modal** – pembelian mesin memerlukan modal yang tinggi

**Khusus** – ini menyebabkan pemodal perlu menkhusus dalam satu bidang sahaja seperti tekstil

**Mahir** – majikan dan pekerja kian mahir dalam bidang yang dipilih

**Pengalaman** – dapat menimba pengalaman untuk membaiki prestasi

**Tingkat** - kuantiti dan kualiti barang dapat dipertingkatkan

**Pasar** – apabila kuantiti produk meningkat maka dapat dipasarkan secara meluas di dalam negeri dan luar negara

#### Penggunaan Teknologi

**Manusia** – sebelum teknologi baru diperkenalkan, peralatan menggunakan tenaga manusia, bintang atau air

**Mesin** – apabila mesin digunakan, barangan dapat dikeluarkan dalam kuantiti yang banyak

**Murah** – kos pengeluaran menjadi murah

**Mudah** – barangan murah mudah dipasarkan kepada masyarakat umum termasuk golongan miskin

**Komersial** – barangan ini boleh dikomersialkan pada peringkat antarabangsa

**Untung** – para usahawan boleh mendapat untung yang lumayan

**Tenaga wap** – penghasilan tenaga wap dipermudahkan dengan proses pembakaran arang batu

**Newcomen** – mesin rekaan John Newcomen telah memanfaatkan tenaga wap hasil pembakaran arang batu

**Pengangkutan** – penggunaan kuasa wap amat membantu perkembangan pengangkutan seperti kereta api dan kapal laut

**Enjin** – jentera atau enjin kereta api dan kapal laut menggunakan tenaga wap yang dihasilkan daripada pembakaran arang batu

### Pertanian Sebagai Punca Ekonomi

**Komersial** – kegiatan pertanian telah dikomersialkan  
**Bijirin**- kegiatan utama ialah penanaman bijirin seperti gandum, rye, jagung dsb  
**Eksport** – lebih hasil dieksport  
**Pedagang** – ini membolehkan para peladang menjadi pedagang antarabangsa  
**Makanan** – Revolusi Pertanian menyediakan makanan yang cukup  
**Buruh** – menyediakan tenaga buruh yang banyak untuk perkembangan perindustrian  
**Perindustrian** – dengan Revolusi Perindustrian, kegiatan pembuatan dan pengilangan telah menggantikan kegiatan pertanian sebagai bidang utama ekonomi negara  
**Sosial** – berlaku perubahan sosial seperti kedudukan tuan tanah telah diganti oleh para pengusaha dan pemilik kilang sebagai tokoh utama dalam masyarakat

### Peningkatan Perdagangan Antarabangsa

**Dalam** – lebih hasil tidak dapat dipasarkan semuanya dalam negara  
**Antarabangsa**- produk itu diperdagangkan pada peringkat antarabangsa  
**Untung** – keuntungan dapat dimaksimumkan  
**Britain** – dapat mengendalikan aktiviti perdagangan dengan mudah kerana merupakan negara penjajah dan kuasa maritim yang ulung  
**Dua** – perdagangan antarabangsa mencakupi eksport dan import  
**Bahan mentah** – memerlukan bahan mentah yang banyak dan berterusan  
**Pengangkutan** – sistem pengangkutan dalam negara dan antarabangsa perlu dipertingkatkan dan diperkembangkan  
**Modal** – Britain mengeksport modal ke seberang laut untuk kegiatan ekonomi

### KESAN REVOLUSI PERTANIAN DAN REVOLUSI PERINDUSTRIAN [ms 234]

### Kemunculan Golongan Buruh dan Majikan

**Buruh** – muncul golongan buruh ladang untuk tuan tanah dan buruh kilang untuk mengendalikan mesin  
**Tekstil** – kilang yang paling banyak ialah kilang tekstil  
**Layanan** – pada peringkat awal, golongan buruh tidak mendapat layanan atau pembelaan yang sewajarnya  
**Sesuai** - mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan sosial dan ekonomi  
**Mesin** – penggunaan mesin menyebabkan kemahiran para penenun dan tukang jahit tidak diperlukan  
**Protes** – pekerja mahir telah memprotes dan memusnahkan mesin-mesin pemidang yang digunakan dalam pembuatan stoking dan renda  
**Luddite** – gerakan ini dinamakan Pergerakan Luddite  
**Akta** – terdapat Akta Antipenggabungan yang melarang para pekerja bergabung atau menjalankan sebarang tindakan bagi mendapatkan gaji atau layanan yang lebih baik daripada majikan  
**Eksplloit** – kanak-kanak bawah 10 tahun dieksplloit di kilang tekstil dan di lombong arang batu  
**Masa** – masa bekerja juga melebihi 10 jam sehari  
**Bebas** – majikan yang terpengaruh dengan ekonomi bebas tidak mahu campur tangan kerajaan  
**Gaji** – paras gaji dan amalan perburuhan ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran  
**Kesatuan** – pada tahun 1824, Akta Antipenggabungan dimansuhkan dan penubuhan Kesatuan Sekerja diizinkan

### Kemajuan Bidang Pengangkutan

**Domestik** – pengangkutan domestik di Britain bergantung kepada kereta kuda dan baj  
**Jalan raya**- bagi memudahkan perjalanan darat, sistem jalan raya telah dibaiki  
**Kereta api** – dengan rekaan enjin berkuasa wap, gerabak kereta api dapat dipacu dengan lebih laju  
**Banyak** - boleh menarik lebih banyak gerabak bagi mengangkut barangan dan pekerja kilang  
**Rel**- rel kereta api ditukar daripada kayu kepada besi dan kemudiannya keluli  
**Kapal laut** – dikemudikan oleh jentera berkuasa wap



## IMPERIALISME BARAT DI ASIA [ms 237]

1. Apakah faktor-faktor yang mendorong kedatangan kuasa-kuasa Barat ke Asia Tenggara dan kesan-kesan yang ditinggalkan oleh penjajah? (10 markah) [ms 237]

### Faktor-faktor

- F1 bahan mentah-** untuk mendapatkan bahan mentah seperti rempah ratus, emas dan perak  
**F2 pasaran-** mendapatkan pasaran bagi hasil pengeluaran industri  
**F3 pengangkutan-** berlaku revolusi pengangkutan dengan sistem jalan kereta api dan ciptaan kapal wap  
**F4 perhubungan-** memudahkan perhubungan dan mempercepat perjalanan  
**F5 teknologi-** negara Eropah mempunyai teknologi yang melebihi negara Asia dan Afrika  
**F6 lumba-** Negara Eropah saling berlumba untuk mendapatkan daerah masing-masing di Asia dan Afrika  
**F7 tarif-** negara Eropah dan Amerika Syarikat melindungi industri mereka dengan peraturan tarif masing-masing  
**F8 Britain** – terpaksa mencari pasaran di Asia dan Afrika kerana barangannya tidak dapat dieksport ke Amerika dan Eropah dengan mudah  
**F9 tamadun-** terdapat masyarakat Barat berhasrat untuk menyebarkan pengaruh tamadun dan agama mereka ke seberang laut  
**F10 perlumbaan-** wujud perlumbaan di kalangan negara Barat dalam kegiatan menakluk kawasan di luar Eropah  
**F11 status-** kuasa Barat menganggap pemilikan tanah jajahan sebagai satu status atau symbol yang menandakan bahawa mereka sudah menjadi sebuah kuasa yang kuat  
**F12 tanggungjawab-** menganggap usaha mengembangkan tamadun di luar Eropah sebagai tanggungjawab mereka  
**F13 Inggeris** – *the white's man burden*  
**F14 Perancis** – *mission civilisatrice*  
**F15 Jerman-** tugas menyebarkan budaya  
**F16 Amerika** – *the blessings of the Anglo-Saxon protection*

### Kesan-kesan

#### POLITIK

- F1 drastik-** sistem pemerintahan dan pentadbiran telah mengalami perubahan yang drastik  
**F2 penasihat-** pemerintah tempatan terpaksa menerima penasihat dan pentadbir dari Barat  
**F3 ditukar-** perundangan peribumi telah diubahsuai atau ditukar agar menyerupai system Barat  
**F4 saing** – persaingan kuasa-kuasa Barat berlaku di Asia  
**F5 Inggeris** – campur tangan di Tanah Melayu, Burma, India dan China  
**F6 pecah perintah-** Kepulauan Melayu dan Asia telah dipecah perintah oleh Barat iaitu Inggeris (Tanah Melayu), Belanda (Indonesia), Perancis (Indo China) dan Amerika (Filipina)

#### EKONOMI

- F7 struktur-** ekonomi peribumi distrukturkan agar dapat member manfaat kepada ekonomi negara metropolitan  
**F8 komersial-** di Tanah Melayu, kegiatan penanaman getah dan perlombongan bijih timah telah dikomersialkan bagi memenuhi keperluan industri di Britain

#### SOSIAL

- F9 pendidikan Inggeris-** sistem pendidikan Inggeris diperkenalkan  
**F10 bandar-** terhad di kawasan Bandar  
**F11 asas-** dikhususkan untuk memberikan pendidikan asas  
**F12 latih-** melatih golongan pentadbir rendah bagi keperluan pentadbiran British sahaja  
**F13 import buruh-** mengimport buruh dari Negara lain untuk menjadi tenaga kerja bagi keperluan ekonomi komersial mereka  
**F14 demografi-** membawa perubahan kepada demografi dan komposisi etnik di banyak Negara yang telah dijajah oleh kuasa Barat